

13 JUL 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

DR M: SEKTOR SWASTA HARUS GUNA INSENTIF KHUSUS PERTANIAN SEPENUHNYA

PUTRAJAYA, Julai 13 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, sektor swasta perlu mengambil kesempatan ke atas insentif-insentif khusus yang disediakan oleh kerajaan terutamanya dalam sektor pertanian yang tidak mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Saya menggesa sektor swasta mengambil inisiatif untuk memajukan lagi pembangunan sektor (pertanian) ini bukan sahaja untuk mengurangkan bil import (makanan) yang besar tetapi juga berupaya membendung tekanan inflasi", beliau berucap pada sesi dialog Belanjawan 2002 di sini.

Katanya, pengeluaran sektor pertanian yang meningkat sebanyak 12.0 peratus pada suku pertama tahun ini adalah menggalakkan memandangkan ianya melebihi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sebanyak 3.2 peratus.

Ini menunjukkan bahawa sektor itu mempunyai potensi untuk berdaya maju, beliau berkata kepada 180 orang peserta yang mewakili 40 buah agensi serta pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan pada majlis dialog tersebut.

Untuk memajukan lagi sektor itu, katanya, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu dipergiatkan dengan memberitumpuan kepada usaha-usaha hiliran supaya dapat menghasilkan pelbagai penggunaan barangan pertanian.

Penggunaan baru minyak kelapa sawit dalam bidang kimia dan bioteknologi boleh diperkembangkan secara meluas, begitu juga bagi keluaran-keluaran komoditi seperti produk perkayuan dan getah memandangkan permintaan keluaran barangan negara di pasaran antarabangsa adalah tinggi.

Bagi sektor perkhidmatan pula, Dr Mahathir merangkap Menteri Kewangan, berkata sektor itu yang menyumbang sebanyak 50 peratus kepada KDNK boleh dipertingkatkan lagi memandangkan sumbangannya di negara-negara maju adalah di antara 60-70 peratus kepada KDNK.

Sektor perkhidmatan, katanya, memainkan peranan penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Antara aktiviti yang boleh dimajukan lagi ialah di sektor kecil pelancongan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan juga terdapat potensi untuk memajukan lagi sektor-sektor pemborongan dan peruncitan serta insurans perbankan dan kewangan.

Kemajuan sektor-sektor berkenaan bukan sahaja dapat mengurangkan defisit akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran negara tetapi juga dapat merangsang pembelanjaan penggunaan tempatan.

Langkah-langkah itu juga dapat memperkukuhkan daya tahan negara daripada risiko luar, kata Perdana Menteri lagi.

"Justeru itu, kita perlu berusaha meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan kesihatan serantau, di samping memajukan lapangan terbang negara sebagai tarikan persinggahan terunggul di rantau ini", katanya.

Beliau menggesa semua pihak terutamanya sektor swasta supaya menggunakan sepenuhnya semua kemudahan yang terdapat di dalam negara yang berkualiti ini, dan tidak pergi ke mana-mana di luar negeri.

Bagi mereka yang telahpun diakui mempunyai kepakaran dan kekuatan dalam bidang-bidang tertentu, kata beliau, mereka seharusnya bersedia mengeksport perkhidmatan untuk menembusi pasaran dan beroperasi dengan cemerlang di luar negara.

Sementara itu bagi sektor perkilangan pula, pertumbuhannya yang perlahan dengan peningkatan nilai ditambah perkilangan sebanyak 3.7 peratus

pada suku pertama tahun ini, berbanding dengan prestasinya yang kukuh pada tahun lalu telah mendedahkan kelemahan sektor itu kepada risiko luar.

Ini memandangkan barangan perkilangan termasuk barangan elektronik menyumbang 85 peratus kepada pendapatan eksport negara pada tahun 2000.

Untuk mengurangkan daripada terlalu bergantung kepada eksport sebegini, Perdana Menteri berkata pengusaha-pengusaha perlu mempelbagaikan eksport barangan dan meluaskan pasaran eksport seperti barangan-barangan elektrik dan alat-alat perkakas ke negara-negara Timur Tengah dan negara-negara lain.

Usaha juga perlu dilakukan untuk mempercepatkan program penggantian import serta menceburi bidang-bidang pengeluaran berasaskan teknologi tempatan.

Oleh itu, katanya, punca-punca pertumbuhan baru khususnya pengeluaran yang berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi harus dikenal pasti dan diperkembangkan.-- BERNAMA

SHO/ZAI OS